

# Sasar negara tak perlu visa

Sindiket penipuan pekerjaan antarabangsa membabitkan rakyat Malaysia menyasarkan negara yang tidak memerlukan visa sewaktu kemasukan untuk melakukan operasi mereka.

Penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim berkata, jika perkara itu gagal dibendung, yang terkesan sudah tentu ribuan rakyat Malaysia yang menetap atau bekerja di luar negara secara sah.

Katanya, isu penipuan itu sebenarnya melanggar banyak aspek perundangan termasuk undang-undang berkaitan pemerdagangan manusia, migran serta buruh antarabangsa.

“Selain mencemari kedaulatan sesebuah negara, ia turut memberi kesan terhadap nama baik Malaysia.

“Kalau kita setakat kasihan mereka ini kena tipu dan kemudian dia dibawa balik, kasihan itu tidak membantu menaik taraf keselamatan Malaysia di mata dunia,” katanya.

Kamal Affandi berkata, kalau dapat melihatnya dari bentuk itu, sudah tentu usaha memperbaiki keadaan dan seterusnya menghalang kejadian ini daripada menimpa rakyat Malaysia dapat dijalankan lebih sistematik.

“Bagaimanapun usaha itu boleh terencat sekiranya orang ramai tidak peka dengan modus operandi sindiket berkenaan.

“Sikap sesetengah rakyat Malaysia yang ‘tak nak kalah’ mendorong si kaki tembrang terus bermaharajalela.

“Lagi satu sebab kenapa orang lebih berminat tawaran kerja luar negara ini kerana kita boleh berbangga, istilahnya menunjuk sikitlah dekat kawan yang kerja di Malaysia,” katanya.

Namun, katanya, mangsa tidak menceritakan bagaimana menjadi pelarian di



RAMAI terpedaya bekerja di luar negara kerana mahu gaji lumayan.

negara itu untuk mengelak imigresen menahan mereka.

“Kita tidak menceritakan bagaimana sebuah bilik terpaksa dihuni 10 orang. Kita tidak menceritakan tiada kemudahan air di sekian tempat. Ini kita sorok,” katanya.

Menurutnya, selain modus operandi pekerjaan antarabangsa, penipuan membabitkan pekerjaan dalam talian dari rumah juga semakin rancak memperdayakan orang ramai.

Pekerja swasta, Salehuddin Tarmizi berkata, dia pernah dapat mesej mempelawanya bekerja dalam ta-



*Lagi satu sebab kenapa orang lebih berminat tawaran kerja luar negara ini kerana kita boleh berbangga, istilahnya menunjuk sikitlah dekat kawan yang kerja di Malaysia”*

Kamal Affandi Hashim



lian dari rumah yang boleh menjana pendapatan ratusan ringgit sehari.

“Saya memang tak percaya benda itu. Kalau ikut logik pun tidak masuk akal,” katanya.

Seorang lagi pekerja swasta, Imran Ali Jahubar Ali berkata, gaji rendah menyebabkan ada yang terdesak mencari kerja di luar negara yang mana dijanjikan upah lumayan sehingga kadang kala mencecah belasan ribu ringgit.

“Tetapi apabila sampai di negara itu, bidang kerja dijanjikan ejen tidak sama dengan apa mereka dapat,” katanya.

Pelajar, Norain Syafiqah Misran berkata, tawaran pekerjaan di luar negara itu ada risikonya.

“Macam saya lihat dekat YouTube, kadang-kadang tiba-tiba gaji dapat seminggu sahaja, lepas itu sudah kena berhenti dan jadi penganggur, nak balik Malaysia tidak boleh,” katanya.